



KENYATAAN MEDIA

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH

Merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman, selaku Ketua Agama Islam Negeri, pada 19 Julai 2023 berhubung ketetapan bahawa masjid dan surau hendaklah dipelihara kesuciannya serta kekal bebas daripada sebarang unsur perpecahan dan kepentingan politik kepartian.

Menjunjung titah tersebut, Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) ingin menjelaskan bahawa:

1. Semua bentuk pengisian agama di masjid dan surau adalah tertakluk kepada peraturan, garis panduan serta kebenaran yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri.
2. Tiada mana-mana individu atau pihak dikecualikan daripada pematuhan peraturan ini, tanpa mengira jawatan, kedudukan atau latar belakang masing-masing.
3. Ketetapan ini dilaksanakan secara adil, konsisten dan saksama, demi memelihara kemuliaan masjid serta kewibawaan institusi agama Islam di Negeri Kedah.

MAIK berpandangan bahawa pemisahan yang jelas antara ruang ibadah dan ruang politik adalah amat penting bagi menjamin keharmonian masyarakat serta mengelakkan agama Islam daripada dieksploitasi sebagai alat legitimasi atau propaganda kepentingan tertentu.

MAIK akan terus melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan, berlandaskan hukum syarak, undang-undang serta perlembagaan negeri, demi memastikan kestabilan, keharmonian dan perpaduan ummah di Negeri Kedah Darul Aman sentiasa terpelihara.

MAIK memandang serius isu ceramah berunsurkan politik di masjid. Baru-baru ini telah tular di media media sosial mengenai surat yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) mengenai penolakan acara ceramah di sebuah masjid. Penolakan ini berasaskan pekeliling yang telah dikeluarkan dan perkara ini telah pun diambil tindakan yang sewajarnya. Adalah diharapkan perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi di masa akan datang dan sekiranya berulang, tindakan akan terus diambil.

MAIK juga menegaskan bahawa tohmahan atau fitnah yang disebarkan melalui apa jua medium bagi menjejaskan imej JHEAIK dan MAIK adalah tidak wajar dan hendaklah dihentikan dengan serta merta. JHEAIK dan MAIK akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap perkara ini.

Duli Yang Teramat Mulia

Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin

DK., DMK., DSDK., SSS.

Tuanku Raja Muda Kedah

Yang Dipertua

Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman

Tarikh: 05 Februari 2026